

D168

U B960 DEB
NEGARA - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBERI PINJAMAN KEPADA 82 ORANG BEKAS PENAGIH NAJIS DADAH SEJAK TAHUN 1984.

BELIAU BERKATA HAD MAKSIMUM PINJAMAN YANG DIBERIKAN ITU IALAH \$2,000 SEORANG DAN ANTARA BIDANG YANG MEREKA CEBURI IALAH MEMBUAT BATU BLOK MEMPERBAIKI KERETA, MEMPERBAIKI KASUT DAN PROJEK PERTANIAN.

KETIKA MENJAWAB SOALAN SENATOR PUAN ROKIAH ZAINUDDIN DI DEWAN NEGARA HARI INI, BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA PINJAMAN DIBERIKAN KEPADA BEKAS PENAGIH YANG MENUNJUKKAN MINAT DAN MEMPUNYAI KEMAHIRN DALAM SESUATU BIDANG BERKENAAN.

BEKAS PENAGIH JUGA DIBERI LATIHAN KEMAHIRAN SEMASA DI PUSAT RAWATAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEREKA DALAM SESUATU BIDANG ITU SUPAYA MEREKA DAPAT BERDIKARI APABILA KEMBALI KE PANGKUAN MASYARAKAT, KATANYA.

KERAJAAN MEMBERI PERTIMBANGAN YANG TELITI SEBELUM MEMBERI PINJAMAN ITU AGAR IA TIDAK DISALAHGUNAKAN.

KAJIAN JUGA DIBUAT SAMA ADA PROJEK YANG MAHU DIJALANKAN OLEH BEKAS PENAGIH ITU BOLEH MEMBERIKAN KEUNTUNGAN, TAMBAHNYA. -- LAGI
1606MST 23 03 87

U B963 DEB
NEGARA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN ITU, SETELAH PERJANJIAN DITANDATANGANI ANTARA BEKAS PENAGIH DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI TIDAK DISAMPAIKAN TERUS KEPADA PEMOHON TETAPI KEPADA JAWATANKUASA PEMULIHAN DADAH SETEMPAT.

JAWATANKUASA ITU AKAN MEMBANTU DAN MENGAWASI PROGRAM PERNIAGAAN BERKENAAN DAN PEGAWAI KEMENTERIAN AKAN MEMBUAT LAWATAN SUSULAN DARI MASA KE SEMASA UNTUK MEMBERI NASIHAT DAN BANTUAN YANG DIPERLUKAN OLEH BEKAS PENAGIH YANG MENJALANKAN PROJEK MASING-MASING.

KETIKA MENJAWAB SOALAN SENATOR DATUK DR K.S NIJHAR PULA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN SEMUA PEGAWAI AWAM (KECUALI KUMPULAN D) SUPAYA MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA MEREKA KEPADA PIHAK BERKUASA LEMBAGA TATATERTIB YANG BERKENAAN.

BELIAU BERKATA ARAHAN INI TERKANDUNG DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 3 1981 DAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 3 1984, DAN DENGAN ADANYA PERATURAN ITU ADALAH DIFIKIRKAN BAHAWA PERISYTIHARAN HARTA SECARA TERBUKA TIDAKLAH PERLU. -- LAGI
1611MST 23 03 87

U B964 DEB
NEGARA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI INSTITUSI KEWANGAN DAN KOPERASI, BELIAU BERKATA IA ADALAH INSTITUSI PERSENDIRIAN YANG DITUBUH DAN DIURUSKAN DI BAWAH PERUNDANGAN DAN PERATURAN TERTENTU, DAN BUKANNYA DI BAWAH PENGURUSAN KERAJAAN SECARA LANGSUNG.

OLEH ITU, APA-APA PERKARA BERTHUBUNG DENGAN PERISYTIHARAN HARTA PARA PEGAWAI INSTITUSI KEWANGAN ITU AKAN DITENTUKAN OLEH PIHAK PENGURUSANNYA. -- BERNAMA
1619MST 23 03 87